

KERATAN AKHBAR

JUDUL : UTUSAN BORNEO

TARIKH : 14 Jun 2025

SITASI :

M/S :

Malaysia tuan rumah Kongres Pustakawan Asia Tenggara Ke-19. (2025, June 14). Utusan Borneo Online. <https://www.utusanborneo.com.my/2025/06/14/malaysia-tuan-rumah-kongres-pustakawan-asia-tenggara-ke-19>



Malaysia tuan rumah Kongres Pustakawan Asia Tenggara Ke-19

🕒 Jun 14, 2025, Sabtu - 8:58pm



KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Kongres Pustakawan Asia Tenggara Ke-19 (CONSAL XIX), yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dari 16 hingga 19 Jun 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur.

Penganjuran CONSAL XIX kali ini amat bermakna kerana ia berlangsung seiring dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025, sekali gus mencerminkan komitmen negara

dalam memperkuat kerjasama serantau yang berteraskan nilai perpaduan, perkongsian ilmu dan pembangunan komuniti yang inklusif.

Bertemakan 'Leveraging Inclusivity, Empowering Humanity', persidangan ini akan memberi tumpuan kepada peranan perpustakaan sebagai rakan strategik dalam pembangunan komuniti.

Ia turut menekankan bagaimana perpustakaan boleh menjadi pemangkin kepada ekosistem ilmu pengetahuan terutamanya untuk golongan terpinggir dan kurang upaya, serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dalam usaha merapatkan jurang sosial.

Ditubuhkan pada 1970 hasil kerjasama antara pustakawan Malaysia dan Singapura, CONSAL merupakan platform unggul yang menghimpunkan pustakawan, institusi perpustakaan, sekolah kepustakawanan dan profesional maklumat dari seluruh Asia Tenggara. Keahliannya meliputi kesemua 10 negara ASEAN: Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara dan institusi-institusi perpustakaan tempatan komited untuk menjayakan CONSAL XIX sebagai wadah penting dalam mempromosikan perpustakaan sebagai pemacu transformasi sosial dan pemerdayaan insan, seiring dengan matlamat perpaduan di peringkat nasional dan serantau.